



Tadbir urus berintegriti kunci kelangsungan, keberkatan GLC Kelantan – MB Kelantan

Kelantan muncul pengeluar manganese ketujuh terbesar dunia

SPRM hargai komitmen Kerajaan Negeri Kelantan perkasa pencegahan rasuah

Kelantan negeri padi, hab pengeluaran makanan strategik negara - Exco Pertanian

Sektor pertanian sumbang RM6.1 bilion KDNK Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 22 Julai – Sektor pertanian terus menjadi antara tonggak utama ekonomi Kelantan apabila merekodkan sumbangan sekitar RM6.1 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri, membuktikan kekuatan ekonomi negeri yang berasaskan agromakanan.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, sektor pertanian menyumbang antara 20 hingga 22.8 peratus kepada keseluruhan KDNK Kelantan, sekali gus menunjukkan peranan penting sektor itu dalam pembangunan ekonomi negeri.

Menurutnya, kadar sumbangan tersebut jauh lebih tinggi berbanding purata sumbangan sektor pertanian kepada KDNK negara yang hanya sekitar enam hingga tujuh peratus.

"Apabila kita berbicara tentang ekonomi Kelantan, kita tidak boleh memisahkan negeri ini daripada sektor pertanian. Hari ini, sektor pertanian merupakan penyumbang kedua terbesar kepada KDNK Negeri Kelantan selepas sektor perkhidmatan.

"Hakikat ini menunjukkan bahawa kekuatan ekonomi Kelantan mempunyai asas yang kukuh dalam sektor agromakanan dan sumber bumi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Ekspo Tani Negeri Kelantan 2026 di Dataran Warisan,



Stadium Sultan Muhammad Ke-IV, hari ini.

Menurutnya, kelebihan Kelantan bukan hanya bergantung kepada pengeluaran padi, sebaliknya negeri ini memiliki ekosistem pertanian yang pelbagai meliputi tanaman makanan, buah-buahan, penternakan serta perusahaan asas tani.

Katanya lagi, selain menjadi antara pengeluar utama beras negara melalui kawasan Lembaga Kemaajuan Pertanian Kemubu (KADA), Kelantan turut terkenal dengan pengeluaran komoditi seperti tembikai, tomato tanah tinggi di Lojing, cili, timun, durian serta madu kelulut.

"Dalam sektor penternakan pula, negeri ini terus mencatat perkembangan yang memberangsangkan termasuk dalam pembangunan baka lembu hibrid.

"Kepelbagaian ini menjadikan sektor pertanian Kelantan lebih berdaya tahan, mampu mengurangkan risiko pergantungan kepada satu komoditi sahaja dan membuka lebih banyak peluang ekonomi ke-

pada rakyat," ujarnya.

Tambahnya, perkembangan sektor pertanian negeri turut diperkukuhkan dengan penglibatan generasi muda yang semakin melihat bidang tersebut sebagai industri berpotensi tinggi dengan penggunaan teknologi moden.

Tegasnya, pertanian kini bukan lagi sekadar aktiviti tradisional bahkan mampu menjadi kerjaya profesional yang menjana pendapatan, mewujudkan peluang pekerjaan serta menyumbang kepada jaminan bekalan makanan negara.

"Cabaran sebenar hari ini bukanlah kekurangan tanah, tetapi kekurangan generasi yang bersedia mengusahakannya.

"Kita mahu melahirkan anak-anak muda yang bukan sahaja mahir menggunakan teknologi pertanian moden, bahkan memahami bahawa mengusahakan tanah ialah satu amanah, satu kerjaya profesional dan satu ibadah," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, Kerajaan Negeri Kelantan terus mengangkat gagasan Bertani Satu Ibadah sebagai asas pemban-



Pertanian bukan sekadar aktiviti ekonomi tetapi satu bentuk ibadah yang memberi manfaat kepada manusia, alam sekitar dan generasi akan datang,"

gunakan sektor pertanian negeri.

"Pertanian bukan sekadar aktiviti ekonomi tetapi satu bentuk ibadah yang memberi manfaat kepada manusia, alam sekitar dan generasi akan datang," ujarnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atas sokongan serta pelbagai bantuan yang disalurkan kepada Kelantan termasuk projek pemasangan sistem pam mudah alih dan pemulihan infrastruktur pengairan di bawah KADA.

Menurutnya, kerjasama antara Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Persekutuan dalam agenda keterjaminan makanan perlu terus diperkukuhkan kerana ia melibatkan kepentingan rakyat secara keseluruhan.

Selesai majlis perasmian, Menteri Besar bersama dif-dif kehormat meluangkan masa meninjau pameran agensi kerajaan, jabatan berkaitan pertanian serta reruai usahawan tani yang mengambil bahagian dalam Ekspo Tani Negeri Kelantan 2026.



Tadbir urus berintegriti kunci kelangsungan, keberkatan GLC Kelantan – MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

SHAH ALAM, 20 Julai - Tadbir urus korporat yang cekap dan berintegriti merupakan kunci utama dalam memastikan kelangsungan serta keberkatan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri Kelantan, kata Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Katanya, dunia korporat kini berdepan persekitaran yang semakin mencabar susulan ketidakpastian ekonomi global, perkembangan teknologi yang pesat, perubahan corak pelaburan serta peningkatan jangkaan masyarakat terhadap aspek ketelusan dan integriti.

"Dalam suasana sebegini, GLC tidak lagi boleh berpuas hati sekadar menjadi organisasi yang stabil. Sebaliknya GLC perlu tampil sebagai institusi yang berdaya tahan, inovatif dan diyakini oleh semua pihak.

"Lebih penting daripada itu, setiap kejayaan yang dicapai mestilah berdiri di atas asas integriti yang kukuh," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Pengarah 1.0 Tahun 2026 di sebuah hotel, di sini, semalam.

Seminar anjuran Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) yang bertemakan 'Tadbir Urus Korporat dan Integriti: Kunci Kelangsungan dan Keberkatan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)' itu menghimpunkan Ahli Lembaga Pengarah dan pengu-
rusan tertinggi PKINK serta Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), selain wakil rakyat Negeri Kelantan.



Menurut Dato' Mohd Nassuruddin lagi, keuntungan dan kerugian adalah lumrah dalam dunia perniagaan namun prestasi sesebuah syarikat tidak seharusnya dinilai hanya berdasarkan laporan kewangan atau petunjuk prestasi semata-mata.

Sebaliknya, kata beliau, aspek keberkatan juga perlu diberikan perhatian kerana dalam Islam, keberkatan bukan sekadar bermaksud pertambahan hasil, tetapi pertambahan kebaikan yang membawa manfaat kepada organisasi, masyarakat dan negeri.

Jelasnya, keuntungan yang diperoleh perlu diurus secara amanah serta dimanfaatkan bagi memperkukuhkan pembangunan ekonomi, memperluaskan peluang pekerjaan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

"Begitu juga apabila berdepan dengan kemerosotan prestasi, jangan hanya menumpukan kepada faktor pengurusan atau ekonomi semata-mata.

"Jadikan keadaan tersebut sebagai ruang untuk bermuhasabah secara menyeluruh termasuk memastikan setiap keputusan dan tindakan sentiasa dipandu oleh nilai-nilai amanah dan keberkatan," katanya.

Beliau turut menggesa setiap GLC menjana keuntungan yang mampan bagi membolehkan syarikat berkembang secara sihat serta memperkukuhkan kedudukan kewangan dalam jangka panjang.

Menurutnya, keuntungan yang mampan bukan sahaja membolehkan syarikat memperluaskan operasi dan meneroka peluang baharu, malah menjadi sumber kekuatan untuk menghadapi cabaran ekonomi yang sentiasa berubah, termasuk kesan berantai daripada perang Amerika Syarikat terhadap Iran yang menurutnya masih belum tamat sepenuhnya.

Dato' Mohd Nassuruddin turut menegaskan bahawa Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik kerajaan negeri memikul amanah besar da-



Pada masa sama, aspek pengurusan risiko dan kawalan dalaman perlu diberikan perhatian serius supaya setiap keputusan dibuat berdasarkan pertimbangan yang teliti, berhemah dan berpandangan jauh,"

lam menentukan hala tuju strategik syarikat.

Katanya, mereka berperanan meluluskan kertas cadangan dan menilai prestasi semasa syarikat dan perlu memastikan setiap perancangan organisasi selari dengan aspirasi kerajaan negeri serta memenuhi keperluan pembangunan ekonomi yang semakin dinamik.

"Pada masa sama, aspek pengurusan risiko dan kawalan dalaman perlu diberikan perhatian serius supaya setiap keputusan dibuat berdasarkan pertimbangan yang teliti, berhemah dan berpandangan jauh," jelasnya.

Seminar itu turut menampilkan Ahli Lembaga Pengarah PKINK Tan Sri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir yang membentangkan kertas kerja bertajuk 'Transformational Leadership' dengan memberi penekanan kepada pembinaan kepimpinan berwibawa, peningkatan kompetensi serta keupayaan pengarah dalam menghadapi cabaran semasa.



Kelantan muncul pengeluar manganese ketujuh terbesar dunia

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 21 Julai – Kelantan muncul sebagai pengeluar manganese ketujuh terbesar dunia susulan kedudukannya sebagai satu-satunya negeri di Malaysia yang mengeluarkan mineral berkenaan sekali gus meletakkan negeri ini pada posisi strategik dalam industri mineral global.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Mohamed Fadzli Dato' Hassan berkata kedudukan itu berdasarkan maklumat yang dikongsikan oleh Naib Pengerusi merangkap Ahli Lembaga Pengarah AML Holdings LLC Yuki Nakamura bahawa Malaysia merupakan pengeluar manganese ketujuh terbesar dunia.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Menan-



datangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kelstone Sdn. Bhd. dan AML Holdings LLC bagi kerjasama pembangunan industri berasaskan sumber mineral di Kelantan di Pejabat Timbalan Menteri Besar di Mabna, hari ini.

“Malaysia merupakan pengeluar manganese ketujuh terbesar di dunia namun hanya Kelantan

yang mengeluarkan manganese di negara ini. Oleh itu, secara tidak langsung Kelantan berada pada kedudukan sebagai pengeluar manganese ketujuh terbesar di dunia,” katanya.

Menurutnya, pemeteraian MoU tersebut menjadi langkah strategik untuk memperkukuh pembangunan industri mineral negeri menerusi

kerjasama dengan rakan industri dari Jepun yang memiliki kepakaran dalam sektor berkenaan.

Tambahnya, kerjasama itu dijangka merangsang kemasukan pelaburan baharu, mempercepat pemindahan teknologi serta memperkukuh pembangunan rantai nilai industri mineral, khususnya manganese, sekali gus meningkatkan daya saing Kelantan dalam pasaran global.

Beliau mewakili kerajaan negeri turut mengharapkan sokongan berterusan daripada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dalam aspek bimbingan, penyelarasan dan pemudah cara bagi memastikan potensi industri mineral Kelantan dapat dimanfaatkan secara optimum untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi negeri.

LRA Merbau Chondong dinaik taraf 70 juta liter sehari, manfaatkan 34,000 akaun di tiga jajahan

Oleh: Syamimi Manah

MACHANG, 21 Julai – Loji Rawatan Air (LRA) Merbau Chondong kini dinaik taraf daripada kapasiti pengeluaran 45 juta liter sehari kepada 70 juta liter sehari menerusi projek bernilai kira-kira RM11.5 juta, sekali gus dijangka memberi manfaat kepada 34,000 akaun pengguna di Machang, Pasir Puteh dan Kota Bharu Selatan bermula awal September ini.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr. Izani Husin berkata, projek naik taraf itu meningkatkan kuantiti bekalan air dan memastikan kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna berada pada tahap terbaik.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan kerja ke LRA Merbau Chondong, di sini, hari ini.

Turut hadir Timbalan Exco YB Saizol Ismail, Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor dan Pengerus Besar Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) Azhar Hanafi.

Dato' Dr. Izani berkata, sebelum ini loji berkenaan direka untuk memproses sekitar 45 hingga 50 juta liter air sehari dan peningka-



tan pengeluaran tanpa menaik taraf sistem boleh menjejaskan kualiti air.

“Dengan penambahbaikan sistem bernilai kira-kira RM11.5 juta ini, LRA Merbau Chondong kini mampu menerima air mentah sehingga 70 juta liter sehari dan berpotensi mencapai 88 hingga 90 juta liter sehari pada masa hadapan,” katanya.

Beliau berkata, bekalan sebanyak 70 juta liter sehari itu akan disalurkan ke seluruh bandar Pasir Puteh serta Kota Bharu Selatan sehingga kawasan Ketereh bagi mengatasi isu kekurangan bekalan air yang dihadapi pengguna.

Menurutnya, kerja-kerja penapisan air hampir siap sepenuhnya, manakala kerja mekanikal, ujian sistem dan pembersihan tangki sedang giat dijalankan sebelum bekalan disalurkan kepada pengguna pada awal September.

“Kita bukan sahaja mahu air yang keluar dari sistem penapisan berkualiti tinggi, tetapi juga memastikan air yang sampai kepada pengguna kekal bersih melalui kerja pembersihan tangki dan penambahbaikan keseluruhan sistem,” ujarnya.

Beliau turut memaklumkan pembinaan LRA Machang 1 berkapasiti 50 juta liter sehari kini dalam proses pelaksanaan, manakala LRA Tok Bali yang turut berkapasiti 50 juta liter sehari telah memulakan kerja tanah dan dijangka siap pada 2028.

Selain itu, katanya LRA Kelar 2 dijangka siap sekitar Januari atau Februari 2027 bagi meningkatkan bekalan air di Pasir Mas, manakala LRA Chicha 2 berkapasiti 20 juta liter sehari dijangka siap pada September tahun ini.

Dato' Dr. Izani berkata, kerajaan negeri melalui AKSB juga ter-



us memberi tumpuan kepada usaha mengurangkan Non-Revenue Water (NRW) menerusi penggantian paip lama, pengesanan kebocoran serta penambahan tenaga kerja bagi meningkatkan kecekapan sistem bekalan air.

“Insya Allah menjelang akhir 2027 atau 2028, banyak kawasan yang sebelum ini mengalami masalah bekalan akan menikmati bekalan air yang lebih baik.

“Sasaran kita ialah meningkatkan liputan bekalan air daripada 70 peratus ketika ini kepada liputan penuh apabila semua loji yang sedang dibina siap sepenuhnya menjelang 2030,” jelasnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada warga AKSB yang terus komited melaksanakan penambahbaikan berterusan demi memastikan produktiviti serta kualiti perkhidmatan bekalan air di Kelantan terus dipertingkatkan.

SPRM hargai komitmen Kerajaan Negeri Kelantan perkasa pencegahan rasuah

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 21 Julai — Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menghargai komitmen Kerajaan Negeri Kelantan khususnya Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dalam memperkukuh usaha pencegahan rasuah menerusi pendekatan berterusan memberi peringatan, penjelasan dan pemahaman kepada penjawat awam mengenai bahaya gejala rasuah.

Pengarah SPRM Kelantan Azmin Yusoff berkata, kesungguhan kerajaan negeri itu membuktikan integriti dan tadbir urus yang baik sentiasa menjadi keutamaan dalam pentadbiran negeri.

“Kerajaan Negeri Kelantan memang betul-betul memberi komitmen kepada usaha-usaha pencegahan rasuah dalam kalangan agensi di negeri ini.

“Kami amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan pihak SUK atas komitmen mereka yang benar-benar mahu memberi peringatan, penjelasan dan pemahaman kepada penjawat awam negeri Kelantan khususnya berhubung bahaya gejala rasuah,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam rancangan Fokus Siri Ke-12 terbitan Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Kerajaan Negeri



Kelantan (UPKN) bertajuk “Rasuah, Cegah Sebelum Parah” yang dikendalikan Pegawai UPKN Azmi Mahmood di Studio UPKN di sini, hari ini.

Menurutnya, sepanjang tahun ini SPRM dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan telah melaksanakan pelbagai program pendidikan dan pencegahan rasuah melibatkan agensi kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi memperkukuh budaya integriti dan tadbir urus.

Antara program yang dilaksanakan ialah Program PBT Berintegriti Pencegahan Rasuah Berteraskan Nilai Islam dengan kerjasama Bahagian Kerajaan Tempatan (PKT) dan Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (BITU), yang memberi penekanan kepada komunikasi dua hala dalam membudayakan nilai integriti dalam kalangan kakitangan.

Selain itu, SPRM turut melaksanakan Program Pencegahan Rasuah Dalam Penguatkuasaan bersama Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Program Pencegahan Rasuah Dana Awam bersama Pejabat Tanah dan Galian Kelantan serta program bersama Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang.

Azmin memaklumkan, SPRM juga sedang membuat persiapan melancarkan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) peringkat Negeri Kelantan selain meneruskan penarafan dan penganugerahan kepada agensi kerajaan negeri yang mengamalkan tadbir urus terbaik serta melaksanakan cadangan penambahbaikan yang disyorkan.

“Ini memberi rangsangan dan dorongan kepada agensi di Kelantan untuk menambah baik prosedur dan tadbir urus masing-masing. Program ini dilaksanakan bersama BITU,” katanya.

Sementara itu, beliau mengingatkan masyarakat supaya menjauhi sebarang bentuk rasuah walaupun melibatkan perkara yang dianggap kecil kerana perbuatan itu bukan sahaja menyalahi undang-undang malah mencemarkan maruah diri dan organisasi.

“Janganlah sesekali bermain dengan perbuatan rasuah ini walaupun pada mulanya kecil. Jangan cuba melakukannya. Kita perlu menjaga integriti diri walaupun tidak ada orang melihat. Apabila menyebut soal rasuah, hanya pemberi dan penerima yang tahu namun kita perlu ingat ada dua malaiakat di kiri dan kanan yang mencatat setiap amalan kita,” tegasnya.

Beliau turut menyeru rakyat Kelantan agar terus memelihara integriti dan bersama-sama menolak budaya rasuah demi memastikan negeri ini terus dikenali sebagai negeri yang mengutamakan tadbir urus berintegriti dan beramanah.

JKR Kelantan kenal pasti jalan untuk dinaik taraf, harap perhatian Kerajaan Persekutuan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 16 Julai — Kerajaan Negeri Kelantan bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) Kelantan mengenal pasti beberapa jajaran jalan raya yang wajar diberikan keutamaan untuk dinaik taraf bagi meningkatkan tahap keselamatan, keselesaan serta kesalinghubungan rangkaian jalan di negeri itu.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar berkata, kerajaan negeri berharap keperluan projek berkenaan dapat dipertimbangkan serta diberikan perhatian di peringkat Kerajaan Persekutuan demi manfaat seluruh rakyat Kelantan.

“Insya Allah, kerjasama erat antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan



Persekutuan akan terus diperkukuhkan dalam memastikan agenda pembangunan infrastruktur dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Terdahulu, beliau mengalu-alukan kehadiran Menteri Kerja Raya YB Datuk Seri Alexander Nanta Linggi bersama warga Kementeri-

an Kerja Raya (KKR) ke Kelantan sempena lawatan kerja rasmi.

Menurutnya, lawatan kerja menteri itu bertujuan meninjau kemajuan projek menaik taraf Jalan Pasir Hor-Panchor, selain melihat sendiri keadaan kawasan yang terjejas akibat kejadian ‘sinkhole’ di Lojing.

Beliau turut merakamkan penghargaan atas keprihatinan dan komitmen Menteri Kerja Raya terhadap keperluan pembangunan infrastruktur di Kelantan.

Tambahnya, kehadiran menteri itu membuktikan kesungguhan Kerajaan Persekutuan dalam memastikan isu-isu yang dihadapi rakyat diberikan perhatian sewajarnya.

Penternakan kambing tenusu berpotensi jadi industri bernilai tinggi di Kelantan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 21 Julai – Industri penternakan kambing tenusu berpotensi muncul sebagai antara sektor agromakanan bernilai tinggi di Kelantan, sekali gus mampu menjana pendapatan lebih mampan kepada penternak serta memperkukuh agenda sekuriti makanan negeri.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Saripudin Tuan Ismail berkata, penternakan kambing tenusu kini mempunyai prospek yang semakin luas berikutan peningkatan permintaan terhadap susu kambing dan pelbagai produk hiliran.

Menurutnya, perkembangan industri tersebut membuka peluang kepada penternak untuk mengembangkan perusahaan masing-masing melalui penghasilan produk bernilai tambah seperti yogurt, ais krim dan susu kambing berperisa.

Beliau berkata demikian dalam



media rasminya selepas merasmikan Majlis Penutup Bengkel Penternakan Kambing Tenusu yang berlangsung di Pusat Pengumpulan Susu Kambing (GMCC) KETEREH, semalam.

“Bengkel anjuran Kerajaan Negeri Kelantan yang diurusetikan oleh Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd. itu merupakan antara usaha berterusan kerajaan dalam memperkasa sektor penternakan melalui penyebaran ilmu, kemahiran dan teknologi kepada para penternak,” katanya.

Tambahnya, pendedahan yang

diberikan sepanjang bengkel itu diharap dapat meningkatkan pengetahuan peserta mengenai penguasaan penternakan kambing tenusu secara lebih sistematik sekali gus memperkukuh daya saing industri berkenaan.

Menurutnya, pembangunan sektor penternakan perlu diperkaskan secara berterusan kerana ia mampu meningkatkan pengeluaran makanan tempatan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar melalui pewujudan peluang pendapatan baharu.

Sehubungan itu, beliau ber-



harap ilmu dan pengalaman yang diperoleh sepanjang bengkel dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh peserta bagi melahirkan lebih ramai penternak kambing tenusu yang berdaya saing serta berupaya memenuhi permintaan pasaran.

Beliau turut menegaskan, kerajaan negeri akan terus menyokong pembangunan industri penternakan sebagai antara komponen penting dalam memperkukuh sekuriti makanan negeri, di samping memacu pertumbuhan sektor agromakanan yang mampan demi kesejahteraan rakyat Kelantan.

Komitmen calon SPM 2026 sertai TRS jadi pemangkin kecemerlangan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

JELI, 20 Julai – Kesungguhan yang ditunjukkan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2026 dalam mengikuti kelas Tuisyen Rakyat Sejahtera (TRS) diyakini mampu menjadi pemangkin kepada pencapaian yang lebih cemerlang dalam peperiksaan, sekali gus mencerminkan komitmen generasi muda untuk membina masa depan melalui pendidikan.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Kelantan merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Ayer Lanas YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, semangat dan kesungguhan yang dipamerkan para pelajar



sepanjang mengikuti kelas tuisyen tersebut memberikan keyakinan bahawa segala usaha yang dilaksanakan hari ini akan membuahkan hasil yang membanggakan pada masa hadapan.

Menurutnya, program TRS memainkan peranan penting dalam membantu calon SPM membuat persediaan yang lebih rapi dan sistematik sebagai persediaan menghadapi peperiksaan.

Beliau berkata demikian selepas meluangkan masa beramah mesra bersama para pelajar calon SPM 2026 di Pusat Tuisyen Rakyat Sejahtera Nahdatul Ulum, Jeli dan Pusat Tuisyen Rakyat Sejahtera Maahad Al Sabirin, Air Lanas,

semalam.

Dalam pertemuan tersebut, beliau turut berpeluang menyantuni para pelajar serta melihat sendiri komitmen mereka mengikuti sesi pembelajaran sebagai persediaan menghadapi peperiksaan SPM tahun hadapan.

Menurutnya, peluang mengikuti kelas tambahan melalui TRS wajar dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pelajar bagi memperkukuhkan penguasaan mata pelajaran serta meningkatkan tahap keyakinan sebelum menduduki peperiksaan sebenar.

Tambahnya, kejayaan dalam peperiksaan tidak datang secara kebetulan, sebaliknya memerlukan

kesungguhan, disiplin dan istiqamah dalam menuntut ilmu.

Sehubungan itu, beliau menyeru semua calon SPM 2026 agar terus berusaha bersungguh-sungguh serta tidak mudah berputus asa walau berdepan pelbagai cabaran sepanjang tempoh pembelajaran.

“Kejayaan bermula dengan usaha yang berterusan. Teruskan belajar dengan tekun dan jadikan setiap peluang yang ada sebagai langkah untuk mencapai cita-cita,” katanya.

Beliau turut mendoakan agar seluruh calon SPM 2026 dipermudahkan segala urusan, dikurniakan kefahaman dalam menuntut ilmu serta memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan nanti.

Dalam pada itu, beliau berharap semangat yang ditunjukkan oleh para pelajar akan terus dikekalkan sehingga hari peperiksaan, sekali gus melahirkan lebih ramai pelajar cemerlang yang mampu menyumbang kepada pembangunan negeri dan negara pada masa hadapan.

Kempen Pasar Malam Bersih 2026 budayakan amalan kebersihan kepada peniaga

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 20 Julai – Kempen Pasar Malam Bersih 2026 yang dilancarkan di Pasar Malam Medan Tijari, Tanah Merah menjadi pemangkin kepada pembudayaan amalan kebersihan dalam kalangan peniaga, selaras dengan usaha kerajaan negeri memperkukuh persekitaran perniagaan yang lebih bersih, selesa dan lestari.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, kempen tersebut memberi penekanan terhadap aspek kebersihan fizikal di kawasan pasar malam dan membentuk kesedaran dan tanggungjawab bersama dalam kalangan peniaga serta pengunjung untuk mengekalkan persekitaran yang kondusif.

Menurutnya, usaha membudayakan kebersihan perlu dijadikan amalan berterusan kerana ia bukan sahaja meningkatkan imej pasar malam, bahkan memberi keyakinan kepada pengguna serta menyumbang kepada kesejahteraan komuniti setempat.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Kempen Pasar Malam Bersih 2026 serta aplikasi



digital Mylicense PBT pada majlis yang berlangsung pada 18 Julai di Pasar Malam Medan Tijari, Tanah Merah.

Turut hadir ialah Yang Dipertua Majlis Daerah Tanah Merah Wan Ahmad Suwaidi Zainal Abidin.

“Pelbagai inisiatif diperkenalkan menerusi kempen tersebut bagi menggalakkan penyertaan aktif para peniaga dalam membudayakan amalan kebersihan, antaranya penyampaian hadiah kepada pemenang Gerai Bersih dan Ceria sebagai pengiktirafan terhadap peniaga yang mengekalkan standard kebersihan terbaik di premis masing-masing,” katanya menerusi media sosial, semalam.

Selain itu, sijil penghargaan

turut disampaikan kepada agensi dan pengengaruh media sosial (TikTokers) yang memainkan peranan membantu menjayakan kempen berkenaan serta menyebarkan mesej kepentingan menjaga kebersihan kepada masyarakat.

“Apron turut diedarkan kepada para peniaga sebagai galakan untuk meningkatkan tahap kebersihan pengendalian makanan, manakala beg kitar semula diagihkan kepada pengunjung sebagai usaha menggalakkan amalan mesra alam dan mengurangkan penggunaan bahan plastik sekali guna,” ujarnya.

Pada masa yang sama, pelancaran aplikasi Mylicense PBT menjadi satu lagi pencapaian penting Majlis Daerah Tanah Merah dalam

memperkukuh agenda pendigitalan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan.

Menurutnya, aplikasi itu akan memudahkan urusan pelesenan para peniaga melalui sistem yang lebih cekap, sistematik dan mesra pengguna, sekali gus meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada komuniti perniagaan.

Tambahnya, pendekatan yang menggabungkan pembudayaan kebersihan dengan pemanfaatan teknologi digital mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memperkasakan pengurusan pasar malam agar lebih tersusun, moden dan memenuhi keperluan semasa.



PKPN santuni 12 ahli menerusi sumbangan kebajikan dan kecemerlangan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 21 Julai — Persatuan Pegawai-Pegawai Kontrak untuk Perkhidmatan Negeri Kelantan (PKPN) terus membuktikan kecaknaannya dalam menjaga kebajikan ahli apabila menyampaikan sumbangan wang tunai kepada 12 penerima merangkumi bantuan kebajikan dan kecemerlangan pendidikan sebagai simbol kebersamaan dalam mengharungi suka dan duka kehidupan.

Majlis penyerahan sumbangan yang disempurnakan presidennya, Ahmad Mustapha Ab Azais sebagai tanda penghargaan terhadap ahli yang berdepan ujian kehidupan serta meraikan kejayaan anak-anak mereka dalam bidang akademik.

Ahmad Mustapha berkata semangat berpersatuan mampu menghimpunkan ahli di bawah



satu organisasi sekali gus menjadi wadah saling membantu, mengukuhkan ukhuwah dan berkongsi tanggungjawab ketika ahli ditimpa musibah mahupun menikmati saat-saat kegembiraan.

“Kepentingan berpersatuan ialah apabila kita mampu membina sebuah keluarga besar yang sentiasa hadir dalam setiap fasa kehidu-

pan ahli. Ketika ada yang diuji, kita bersama menghulurkan bantuan. Apabila ada yang diraikan, kita turut berkongsi kegembiraan. Inilah nilai kebersamaan yang menjadi kekuatan PKPN,” katanya pasca majlis di Bilik Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri (MMK), Aras 5 Kota Darulnaim, hari ini.

Beliau juga menegaskan, keba-

jikan ahli akan terus menjadi agenda utama persatuan selaras dengan hasrat memperkukuh hubungan silaturahim dan mewujudkan budaya saling prihatin dalam kalangan warga PKPN.

Pada majlis itu, tujuh penerima menerima sumbangan kebajikan membabitkan lima sumbangan kelahiran anak, satu sumbangan kematian dan satu sumbangan memasuki wad, manakala lima lagi penerima menerima sumbangan kecemerlangan pendidikan bagi meraikan pencapaian cemerlang anak-anak mereka dalam peperiksaan.

Beliau berharap budaya saling menyantuni dan membantu sesama ahli akan terus diperkasakan agar PKPN berperanan sebagai sebuah persatuan professional sekali gus menjadi institusi yang sentiasa dekat dengan kebajikan dan kesejahteraan ahlinya.

Kelantan sasarkan 200 petak pengecas EV menjelang 2030

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 21 Julai - Kerajaan Negeri Kelantan menyasarkan penyediaan sebanyak 200 petak pengecasan kenderaan elektrik (EVCB) di seluruh negeri menjelang tahun 2030 sebagai langkah memperkasa kemudahan mobiliti hijau dan menyokong perkembangan penggunaan kenderaan elektrik.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, keperluan penyediaan kemudahan berkenaan dibincangkan dalam Mesyuarat Portfolio Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Kelantan yang dipengerusikannya di Bilik Gerakan Negeri, semalam.

Menurutnya, hasil maklum balas daripada PBT mendapati penyediaan EVCB di setiap kawasan pentadbiran PBT perlu diberi perhatian



selaras dengan perubahan teknologi serta peningkatan permintaan terhadap kenderaan elektrik pada masa hadapan.

“Setakat hari ini, Kelantan hanya mempunyai kira-kira 25 EVCB dan jumlah tersebut perlu dipertingkatkan kepada 200 EVCB menjelang tahun 2030.

“Perkara ini memerlukan perancangan rapi melibatkan semua PBT bagi memastikan kemudahan pengecasan dapat disediakan secara lebih menyeluruh dan strategik,”

katanya.

Beliau memaklumkan, kemudahan tersebut penting bagi memenuhi keperluan pengguna kenderaan elektrik dan menjadi sebahagian daripada usaha negeri dalam menyokong agenda kelestarian alam sekitar dan pembangunan teknologi hijau.


Dalam mesyuarat sama, katanya, turut dibentangkan beberapa perkara lain termasuk cadangan transformasi digital semua urusan PBT Kelantan menggunakan sis-



tem bersepadu yang boleh dikawal selia secara berpusat, Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat bagi pesalah kebersihan serta Program I-PASS oleh Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan.

“Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh peranan PBT dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap, moden dan responsif terhadap keperluan rakyat serta perkembangan semasa,” jelasnya.

PKINK siapkan RMMK Badang RM26 juta, penuhi permintaan rumah mampu milik



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 22 Julai – Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) berjaya menyiapkan Projek Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) Badang bernilai RM26 juta dengan pembiayaan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Kelantan sekali gus memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap rumah mampu milik di Kelantan.

Exco Kerajaan Tempatan Peru-

mahan Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata projek di Jalan Pantai Cahaya Bulan (PCB) itu telah memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance, CCC) serta mencapai 100 peratus kemajuan fizikal.

Menurutnya, projek perumahan berbilang tingkat itu kini bersedia memasuki fasa seterusnya sebelum diserahkan kepada pembeli.

“Projek bernilai RM26 juta ini

dibina oleh PKINK selaku kontraktor utama dengan pembiayaan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap rumah mampu milik di Kelantan,” katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke tapak projek RMMK Badang di Jalan PCB, semalam.

Beliau berkata RMMK Badang melibatkan pembinaan tiga blok apartmen setinggi 10 dan 11 tingkat yang menawarkan 344 unit kedia-

man meliputi jenis A, B dan C dengan harga jualan dicadangkan antara RM45,000 hingga RM130,000.

Katanya, selain menyediakan kediaman yang selesa dan mampu dimiliki, projek itu turut dilengkapi pelbagai kemudahan asas termasuk surau, dewan serba guna, tadika, pejabat pengurusan, sembilan unit gerai serta enam unit kedai bagi memenuhi keperluan komuniti setempat.

Menurutnya, aspek kemudahan turut diberi perhatian menerusi penyediaan parkir bertutup di tingkat bawah setiap blok selain 360 petak parkir terbuka untuk kereta, 92 petak parkir motosikal dan sembilan petak parkir khas untuk orang kurang upaya (OKU).

Beliau berkata kerajaan negeri juga sedang giat mengenal pasti tapak yang bersesuaian di setiap daerah bagi membangunkan lebih banyak projek RMMK sebagai usaha memperluaskan peluang pemilikan rumah kepada rakyat.

Turut hadir, Ahli Dewan Negeri Kijang merangkap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri YB Dato’ Izani Husin dan Ketua Eksekutif PKINK Dato’ Zamri Ismail.

MDTM perkenal myLicensePBT, tingkat kecekapan pengurusan lesen perniagaan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 20 Julai – Aplikasi myLicensePBT yang dibangunkan oleh Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) berpotensi menjadi pemangkin kepada transformasi digital pihak berkuasa tempatan (PBT) di Kelantan menerusi sistem pengurusan pelesenan perniagaan yang lebih cekap, sistematik dan berintegriti.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, pembangunan aplikasi itu membuktikan keupayaan PBT di negeri ini menghasilkan inovasi sendiri yang praktikal, berimpak tinggi serta selari dengan agenda pendigitalan sektor awam.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri sesi pembentangan dan demonstrasi aplikasi myLicensePBT yang dibangunkan oleh MDTM pada Sabtu.

Menurutnya, kejayaan tersebut turut didorong penyertaan SMART TEAM MDTM sebagai satu-satunya PBT di Kelantan yang terpilih menyertai beberapa siri kursus



intensif Bootcamp anjuran Google Malaysia.

Katanya, program itu memberi pendedahan berkaitan penggunaan kecerdasan buatan (AI), teknologi awan (cloud), pengurusan data serta amalan terbaik dalam mempercepatkan proses pendigitalan organisasi.

“Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada seluruh warga MDTM, khususnya pasukan SMART TEAM, atas usaha membangunkan aplikasi ini.

Inisiatif sebegini membuktikan bahawa PBT di Kelantan mampu melahirkan inovasi sendiri yang praktikal, berimpak tinggi dan selari dengan agenda pendigitalan sektor awam,” katanya di laman rasmi,

semalam

YB Hilmi berkata, aplikasi myLicensePBT mampu mewujudkan pangkalan data peniaga berlesen yang lebih lengkap dan sentiasa dikemas kini, selain memudahkan pemantauan status lesen serta pembayaran secara masa nyata.

Tambahnya, aplikasi itu juga berupaya mengurangkan keciciran hasil akibat lesen yang tamat tempoh atau tidak diperbaharui, di samping mempercepatkan proses pengurusan, penguatkuasaan dan tindakan susulan terhadap peniaga.

“Aplikasi ini turut menyediakan analisis data yang membantu PBT merancang dasar, pembangunan kawasan perniagaan dan penyampaian perkhidmatan dengan lebih berke-



san, selain meningkatkan kutipan hasil melalui pemantauan yang lebih efisien.” ujarnya.

Beliau menegaskan bahawa penggunaan teknologi digital bukan sekadar memudahkan urusan pentadbiran, malah menjadi pemangkin kepada tadbir urus yang lebih telus, cekap dan responsif terhadap keperluan rakyat.

Sehubungan itu, beliau berharap myLicensePBT dapat terus diperkasakan serta diperluaskan penggunaannya ke seluruh PBT di Kelantan sebagai model pendigitalan yang mampu meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, memperkukuhkan sumber hasil dan menyokong pembangunan negeri.

Kelantan destinasi persidangan perubatan antarabangsa



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 23 Julai – Penganjuran 21st Annual Scientific Meeting of the College of Pathologists, Academy of Medicine Malaysia (21st ASM CPathAMM 2026) membuktikan Kelantan semakin mendapat kepercayaan sebagai destinasi penganjuran persidangan saintifik, akademik dan perubatan bertaraf kebangsaan serta antarabangsa.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, penganjuran persidangan yang menghimpunkan 400 ahli patologi dari seluruh negara termasuk peserta dari Eropah itu turut memberi impak positif kepada pembangunan

sektor kesihatan, pelancongan dan ekonomi negeri.

Menurutnya, sepanjang tahun ini beberapa persidangan berprestij melibatkan doktor pakar, ahli farmasi, profesional kesihatan dan pengamal perubatan telah berjaya dianjurkan di Kelantan sekali gus memperkukuhkan kedudukan negeri itu sebagai hab penganjuran program ilmiah.

“Kerajaan Negeri sentiasa menyokong usaha memperkukuhkan ekosistem kesihatan, penyelidikan dan inovasi. Kita berharap lebih banyak institusi profesional, universiti serta badan antarabangsa memilih Kelantan sebagai lokasi penganjuran program ilmiah pada masa hadapan,” katanya.



Beliau berkata demikian dalam media rasminya selepas menghadiri majlis pembukaan 21st ASM CPathAMM 2026 di sebuah hotel di sini, semalam.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perubatan) Kementerian Kesihatan Malaysia Dato’ Dr. Azman Yacob manakala ucapan turut disampaikan oleh mantan Presiden College of Pathologists, Academy of Medicine Malaysia, Prof. Emeritus Dato’ Dr. Cheong Soon Keng.

Mengulas lanjut, YB Hilmi berkata tema persidangan tahun ini, ‘Breaking Boundaries: Advancing the Next Generation of Diagnostic Pathology’, bertepatan dengan perkembangan teknologi diagnostik

moden seperti kecerdasan buatan (AI), patologi digital, genomik dan perubatan tepat (precision medicine) yang mampu meningkatkan ketepatan diagnosis serta keselamatan rawatan pesakit.

Katanya, kehadiran pakar patologi, penyelidik, pensyarah, pegawai perubatan dan profesional kesihatan dari dalam serta luar negara membuka ruang perkongsian kepakaran dan memperkukuh jaringan kerjasama dalam memajukan bidang patologi negara.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada College of Pathologists, Academy of Medicine Malaysia, Universiti Sains Malaysia serta seluruh jawatankuasa penganjur atas kejayaan menganjurkan persidangan berprestij tersebut.

“Semoga segala hasil perbincangan, penyelidikan dan perkongsian ilmu sepanjang persidangan ini menjadi pemangkin kepada kemajuan bidang patologi serta meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat,” katanya.

Tiada kompromi, kerajaan negeri rampas aset perlombongan emas haram RM4.2 juta

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 16 Julai — Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan tidak akan berkompromi terhadap sebarang pencerobohan dan eksploitasi sumber mineral negeri secara haram apabila operasi penguatkuasaan bersepadu di Galas, Gua Musang berjaya menahan tiga warga asing serta merampas jentera dan peralatan perlombongan emas haram bernilai kira-kira RM4.2 juta.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata kegiatan perlombongan emas tanpa lesen merupakan kesalahan di bawah Enakmen Mineral (Kelantan) 2001 dan tidak akan sesekali dikompromi kerana menjejaskan pengurusan sumber mineral negeri, merosakkan alam sekitar serta menghakis hasil yang menjadi hak kerajaan negeri dan rakyat Kelantan.

Menurutnya, operasi yang diketuai Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Negeri Kelantan pada 13 Julai lalu dilaksanakan dengan kerjasama beberapa agensi penguat kuasa bagi membanteras kegiatan perlombongan emas haram di Galas, Jajahan Gua Musang.

“Hasil operasi tersebut, tiga



warga asing berjaya ditahan kerana disyaki menjalankan aktiviti perlombongan emas secara haram.

“Pasukan penguat kuasa turut merampas pelbagai jentera dan peralatan yang dipercayai digunakan dalam kegiatan tersebut melibatkan dua buah excavator, dua buah jentolak, tiga buah lori, sebuah dumper, sebuah generator elektrik, sebuah palong besi serta 20 unit karpet yang digunakan dalam proses pengasingan mineral.

“Keseluruhan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM4.2 juta,” katanya dalam satu kenyataan media, hari ini.

Beliau memberi amaran keras kepada mana-mana pihak yang masih menjalankan aktiviti perlombongan emas tanpa lesen atau kelulusan sah supaya menghentikan operasi mereka serta-merta.

Menurutnya, tindakan penguat-

kuasaan tidak hanya tertumpu kepada individu yang ditahan di lokasi kejadian, sebaliknya siasatan akan diperluaskan bagi mengenal pasti individu tempatan yang menjadi dalang, pemodal, penganjur, orang tengah, penyedia jentera atau mana-mana pihak yang bersubahat, memberi perlindungan atau memperoleh manfaat daripada kegiatan tersebut.

“Sekiranya disabitkan dengan kesalahan, tindakan undang-undang akan diambil tanpa mengira kedudukan atau pengaruh,” katanya.

Beliau juga menegaskan, kerajaan negeri akan membuka kertas siasatan dan menjalankan siasatan menyeluruh termasuk pemeriksaan di lapangan, pengumpulan bahan bukti serta pemanggilan saksi sebelum tindakan pendakwaan diteruskan mengikut peruntukan Enak-



men Mineral (Kelantan) 2001 dan undang-undang berkaitan.

Katanya, operasi penguatkuasaan bersepadu akan terus diperkukuh dengan kerjasama PTG, Bahagian Penguatkuasaan Negeri Kelantan, Polis Diraja Malaysia, Pasukan Gerakan Am, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia serta agensi berkaitan bagi membanteras kegiatan perlombongan haram hingga ke akar umbi.

Schubungan itu, beliau menyeru orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kegiatan perlombongan emas haram supaya menyalurkankannya kepada pihak berkuasa bagi memastikan khazanah mineral negeri terus dipelihara dan diurus mengikut lunas undang-undang demi kepentingan rakyat serta generasi akan datang.

Data negara perlu dilindungi daripada penyalahgunaan politik – YB Abdul Latiff



Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 19 Julai — Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman menegaskan data negara perlu dilindungi daripada penyalahgunaan politik bagi memastikan statistik rasmi kekal berintegriti, dipercayai rakyat dan menjadi asas kepada penggubalan dasar yang tepat.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Rang Undang-Undang (RUU) Statistik 2026 di De-

wan Rakyat pada 16 Julai.

Beliau berkata, Jabatan Statistik Malaysia perlu memainkan peranan sebagai institusi yang bebas dan berwibawa dalam mengumpul, mentafsir serta menyebarkan statistik rasmi agar setiap dasar yang digubal berpaksikan data yang tepat dan sahih.

“RUU ini bukan sekadar tentang angka, jadual atau bancian. Ia adalah tentang kontrak sosial antara kerajaan dan rakyat. Statistik yang baik melahirkan dasar yang berjiwa, manakala statistik yang rosak melahirkan dasar yang buta,” katanya.

YB Abdul Latiff turut membangkitkan kebimbangan terhadap aspek keselamatan data dalam era kecerdasan buatan (AI), integrasi data dan identiti digital, sambil mencadangkan supaya kerajaan

memperkenalkan klausa liabiliti sekiranya berlaku kecuaiian yang mengakibatkan kebocoran data rakyat.

Beliau juga mempersoalkan peruntukan yang memberikan imuniti luas kepada pegawai kerajaan sedangkan rakyat dan sektor swasta berdepan hukuman berat, sambil menegaskan akauntabiliti perlu diberi keutamaan dalam pengurusan data negara.

“Jangan jadikan perlindungan pegawai sebagai benteng daripada akauntabiliti. Jika berlaku kecuaiian, siapa yang akan menjaga penjaga?” Soalnya.

Dalam perbahasan sama, beliau turut mengkritik tindakan segelintir ahli politik yang memetik statistik secara terpilih bagi memburukkan Kelantan sambil menyifatkan ama-

lan tersebut sebagai penyalahgunaan data yang boleh menghakis kepercayaan rakyat terhadap institusi statistik negara.

“Rakyat Kelantan tidak takut dengan data. Kami mengalu-alukan statistik yang tepat untuk membentuk dasar pembangunan yang lebih baik. Namun, kami menolak statistik yang digunakan sebagai alat untuk menanam kebencian,” tegasnya.

Schubungan itu, beliau menggesa kerajaan memastikan RUU Statistik 2026 mempunyai mekanisme yang lebih tegas bagi membendung penyalahgunaan data oleh mana-mana pihak, termasuk ahli politik, sekali gus memelihara integriti statistik rasmi dan memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap institusi negara.

Kelantan-MAHB dan syarikat penerbangan bincang jaringan usahasama strategik



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 16 Julai - Kerajaan Negeri Kelantan mengadakan sesi libat urus dan perbincangan bersama Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), AirAsia, Malaysia Airlines (MAS) dan Batik Air di Pejabat Malaysia Airports, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), semalam.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, YB Datuk Kamaruddin Md Nor, berkata perbincangan itu memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh jaringan usahasama strategik penerbangan, meningkatkan kesalinghubungan udara serta memperkasakan sektor pelancongan negeri.

Katanya, turut dikongsikan

dalam sesi berkenaan ialah analisis dan perkembangan statistik ketibaan pelancong dari Jakarta, Indonesia ke Kelantan yang dibentangkan oleh pihak AirAsia.

“Perkongsian itu dijadikan rujukan dalam merancang strategi promosi serta pembangunan sektor pelancongan negeri dengan lebih berkesan,” katanya di media sosial, pada Rabu.

Beliau berharap kerjasama erat antara kerajaan negeri, pengurusan lapangan terbang dan syarikat penerbangan akan terus diperkukuhkan bagi membuka lebih banyak peluang penerbangan.

“Usaha ini akan dapat menarik lebih ramai pelancong serta merancakkan pertumbuhan ekonomi dan industri pelancongan Kelantan,” jelasnya.



Pemasangan paip HDPE siap, beri manfaat penduduk Gua Musang dan Rantau Panjang

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 23 Julai – Dua projek penambahbaikan sistem bekalan air di Gua Musang dan Rantau Panjang telah siap, sekali gus membantu meningkatkan tekanan serta kualiti bekalan air bersih kepada penduduk di kawasan yang terlibat.

Menurut Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) dalam media rasminya semalam, di Gua Musang, kerja-kerja pemasangan paip HDPE berdiameter 110 milimeter (mm) sepanjang 400 meter di Limau Kasturi telah siap sepenuhnya pada 20 Julai.

Susulan siapnya kerja berkenaan, bekalan air mula disalurkan kepada penduduk di kawasan sekitar, terutama Taman Rantau Manis, Kampung Renok, Sungai Asap dan Jeram Tekoh yang sebelum ini mengalami tekanan air rendah.

Sementara itu, kerja-kerja pemasangan ‘pressure filter’ di Taman Rantau Jaya, Rantau Pan-



jang juga siap pada 21 Julai.

“Pelaksanaan kerja tersebut memberi manfaat kepada di seluruh bandar Rantau Panjang, kampung Banggol Kulim, kampung Gertak



Buaya, kampung Banggol Mek Pit, kampung Chabang Tiga Pagoh, kampung Kubang Rambutan, Kampung Lubok Stol serta kawasan sekitarnya,”kata AKSB men-

erusi media rasminya, semalam.

Susulan pelaksanaan kerja berkenaan, masalah tekanan dan kualiti bekalan air di kawasan yang terlibat dilaporkan bertambah baik.

Saringan i-SYIFA' lahirkan pengamal pengubatan Islam berintegriti

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 21 Julai — Saringan Penilaian Pematuhan Syariah (i-SYIFA') dijangka terus melahirkan lebih ramai pengamal pengubatan Islam yang berintegriti, beretika dan berkelayakan sekali gus meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan rawatan Islam yang menepati syarat.

Sehubungan itu, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata pelaksanaan saringan secara berkala itu merupakan mekanisme penting bagi memastikan setiap pengamal mematuhi garis panduan syariah dan piawaian yang ditetapkan.

Beliau berkata demikian menerusi kenyataan media selepas menerima Slip Keputusan Saringan Penilaian Pematuhan Syariah (i-SYIFA') bagi Pengamal Pengubatan Islam Negeri Kelantan di Bilik Mesyuarat Pejabat Mufti Negeri Kelantan, di sini semalam.

Menurutnya, pelaksanaan i-SYIFA' membuktikan komitmen berterusan pihak berkuasa agama



negeri dalam memastikan amalan pengubatan Islam dilaksanakan berlandaskan prinsip syariah, sekali gus memperkukuh integriti dan profesionalisme bidang berkenaan.

“Pelaksanaan i-SYIFA' juga menjadi satu medium penting dalam membimbing pengamal supaya terus meningkatkan mutu perkhidmatan selaras dengan tuntutan syarat serta keperluan masyarakat yang semakin menitikberatkan aspek keselamatan dan integriti dalam rawatan Islam,” jelasnya.

Saringan berkenaan diadakan pada 29 Jun lalu di Bilik Mesyuarat Pejabat Mufti Negeri Kelantan dengan panel penilai diketuai Timbalan Mufti Negeri Kelantan YB Sahibul Fadhilah Dato' Biji Sura manakala urusan setianya dikendalikan oleh

Bahagian Penyelidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK).

Sebanyak 50 pengamal pengubatan komplementari menyertai saringan tersebut bertujuan memastikan setiap ahli ruqyah di negeri ini sentiasa mematuhi garis panduan syariah dalam setiap amalan rawatan yang dijalankan.

Menurutnya, i-SYIFA' merupakan proses saringan awal yang ditetapkan di bawah Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775] bagi membolehkan pengamal memperoleh Perakuan Pengamalan Sah daripada Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari (Majlis PT&K) Kementerian Kesihatan Malaysia.

“Majlis PT&K merupakan



badan yang diberi kuasa mengawal selia aktiviti serta perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari termasuk rawatan Islam di negara ini,” jelasnya.

Beliau turut mengingatkan, mana-mana individu yang menjalankan amalan perubatan tanpa memiliki Sijil Perakuan Amalan yang sah boleh dikenakan tindakan mengikut peruntukan undang-undang termasuk denda sehingga RM10,000, penjara maksimum tiga bulan atau kedua-duanya sekali.

Sehubungan itu, beliau berharap pelaksanaan i-SYIFA' secara berterusan akan memperkukuh standard amalan pengubatan Islam di Kelantan serta melahirkan lebih ramai pengamal yang kompeten, beretika dan diyakini masyarakat.

YB Zamakhshari tinjau persiapan atlet SUKMA Kelantan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 22 Julai — Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad turun padang meninjau persiapan atlet Kontinjen Kelantan dalam tiga acara sukan sebagai tanda sokongan dan komitmen kerajaan negeri memastikan atlet berada pada tahap terbaik menjelang temasya Sukan Malaysia (SUKMA) di Selangor, Ogos depan.

Menerusi lawatan kerja tersebut, YB Zamakhshari meninjau sesi latihan atlet memanah, tinju dan bola sepak di Pasir Mas yang



kini giat menjalani latihan intensif bagi menghadapi temasya dwitahunan itu.

Kunjungan berkenaan turut disertai Pengarah Majlis Sukan Negeri (MSN) Kelantan Mohd Arman Zulkifli diiringi barisan pengurusan pasukan serta jurulatih yang bertanggungjawab memastikan setiap atlet berada pada tahap kecergasan dan prestasi terbaik.

Menurut YB Zamakhshari, skuad memanah Kelantan dilihat mempunyai potensi besar untuk menghadihkan pingat emas kepada kontinjen negeri berdasarkan persiapan yang sedang dijalankan.



“Kita menyasarkan ada pingat emas bakal dibawa pulang oleh skuad memanah kali ini, insya Allah,” katanya.

Dalam lawatan ke kem latihan tinju pula, beliau memuji semangat juang yang dipamerkan atlet muda Kelantan sepanjang menjalani latihan sebagai persediaan menghadapi saingan di Selangor nanti.

“Melihat kepada semangat juang yang ditunjukkan oleh anak-anak muda kita membuktikan kesediaan mereka untuk berhadapan dengan cabaran kelak.

“Kita harap atlet tinju kita mampu mempamerkan aksi cemerlang dan membawa pulang kejayaan

buat Kelantan pada temasya SUKMA nanti,” ujarnya.

Sementara itu, beliau turut meninjau latihan pasukan bola sepak Kelantan yang kini memasuki fasa akhir persiapan menjelang kejohanan.

Menurutnya, hanya berbaki kira-kira sebulan sebelum temasya SUKMA berlangsung, sekali gus menuntut semua atlet untuk terus fokus dan mengekalkan disiplin latihan.

“Semoga seluruh atlet Kelantan mampu mempamerkan aksi yang cemerlang dan membawa pulang pingat buat Kelantan pada SUKMA nanti,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua jurulatih, pegawai dan pengurusan pasukan yang terus komited membimbing atlet demi memastikan Kontinjen Kelantan mampu mencatat pencapaian terbaik pada temasya SUKMA 2026.

Mangsa jenayah siber perlukan perlindungan undang-undang menyeluruh – Dr Wan Martina



Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 21 Julai – Mangsa jenayah siber perlu diberikan perlindungan undang-undang yang lebih menyeluruh termasuk hak mendapatkan pemulihan identiti digital, pemadaman kandungan serta pampasan atas kerugian yang dialami.

Ahli Dewan Negara YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff berkata, aspek perlindungan mangsa perlu diberikan perhatian dalam Rang Undang-Undang (RUU) Jenayah Siber 2026 memandangkan kesan jenayah siber bukan sahaja melibatkan kerugian kewangan, malah turut memberi impak terhadap emosi dan reputasi mangsa.

Menurutnya, RUU tersebut dilihat banyak memberi tumpuan kepada hukuman terhadap pesalah, namun hak dan keperluan mangsa

juga perlu dimasukkan sebagai sebahagian daripada kerangka perundangan.

“Saya melihat RUU ini sangat menumpukan kepada hukuman terhadap pesalah, tetapi kurang memberikan perhatian kepada hak mangsa.

“Mangsa jenayah siber sering mengalami kerugian kewangan, tekanan emosi dan pencemaran reputasi yang berpanjangan,” katanya ketika membahaskan RUU Jenayah Siber 2026 di Dewan Rakyat, semalam.

Dr Wan Martina berkata, kerajaan wajar mempertimbangkan pewujudan satu bahagian khusus berkaitan hak mangsa bagi memastikan mereka mempunyai saluran pemulihan yang lebih jelas dan berkesan.

Beliau turut mencadangkan supaya mangsa diberikan hak memohon perintah mahkamah bagi pemadaman kandungan yang memudaratkan, mendapatkan pampasan serta pemulihan identiti digital yang terjejas akibat serangan siber.

“Perlindungan mangsa perlu menjadi sebahagian daripada undang-undang ini kerana kesan

jenayah siber boleh berlarutan dalam tempoh yang panjang walaupun selepas tindakan terhadap pelaku diambil,” ujarnya.

Dalam perbahasan sama, beliau berkata perkembangan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), identiti digital, penipuan dalam talian, serangan terhadap infrastruktur kritikal negara serta penyalahgunaan media digital memerlukan pendekatan perundangan yang lebih komprehensif.

Katanya, RUU Jenayah Siber 2026 merupakan langkah ke hadapan berbanding Akta Jenayah Komputer 1997 kerana meliputi kesalahan baharu termasuk penyalahgunaan teknologi ‘deepfake’, kecurian identiti, penyebaran imej intim serta perlindungan Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara.

Walau bagaimanapun, beliau menegaskan, usaha memperkukuh keselamatan siber perlu bergerak seiring dengan prinsip keadilan, hak asasi, privasi dan akauntabiliti.

“Undang-undang yang terbaik ialah undang-undang yang tegas terhadap penjenayah, tetapi pada masa sama melindungi rakyat yang tidak bersalah serta mengelakkan

sebarang ruang penyalahgunaan kuasa,” jelasnya.

Selain isu perlindungan mangsa, Dr Wan Martina turut mencadangkan supaya penyelidik keselamatan siber yang menjalankan aktiviti secara bertanggungjawab diberikan perlindungan jelas agar mereka tidak berdepan risiko tindakan undang-undang ketika membantu mengenal pasti kelemahan sistem.

Beliau turut mencadangkan supaya komposisi Jawatankuasa Memerangi Jenayah Siber diperluaskan dengan melibatkan pakar keselamatan siber, ahli akademik, wakil industri digital, pakar kecerdasan buatan serta pertubuhan masyarakat sivil.

Menurutnya, ancaman siber berkembang dengan pantas dan memerlukan kerjasama seluruh ekosistem bagi memastikan keselamatan digital negara terus diperkukuh.

Beliau menyokong RUU Jenayah Siber 2026 dengan syor supaya kerajaan mempertimbangkan cadangan penambahbaikan yang dikemukakan agar akta berkenaan menjadi undang-undang yang seimbang, progresif dan berkesan dalam melindungi rakyat.

YB Abdul Latiff gesa kerajaan utamakan internet luar bandar sebelum perluas Dana USP



Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 16 Julai – Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman menggesa Kerajaan Persekutuan memberi keutamaan kepada usaha memperluaskan capaian internet di kawasan luar bandar sebelum memperluaskan fungsi Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejahtera (USP) kepada tujuan lain menerusi Rang Undang-Undang Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2026.

Beliau berkata, dana yang diwujudkan khusus bagi merapatkan

jurang digital perlu terus dimanfaatkan untuk memastikan masyarakat luar bandar menikmati kemudahan komunikasi yang berkualiti, selaras dengan objektif asal penubuhannya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Rang Undang-Undang Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2026 di Dewan Rakyat, semalam.

YB Abdul Latiff menjelaskan Dana USP diwujudkan bagi memastikan masyarakat di kawasan luar bandar tidak terus ketinggalan dalam menikmati kemudahan komunikasi dan akses internet yang berkualiti.

“Dana USP diwujudkan bagi memastikan rakyat di kawasan luar bandar seperti Kuala Krai, pedalaman Sabah dan Sarawak, Orang Asli, komuniti nelayan, pekebun kecil dan masyarakat yang selama ini terpinggir daripada pembangu-

nan digital dapat menikmati kemudahan komunikasi yang setara.

“Selagi masih ada kawasan yang capaian internetnya lemah, keutamaan itu perlu diberikan terlebih dahulu,” katanya.

Menurutnya, walaupun usaha memperkukuh keselamatan negara perlu disokong, setiap pindaan undang-undang hendaklah mempunyai sempadan kuasa yang jelas, mekanisme semak dan imbang yang kukuh serta menjamin perlindungan terhadap hak rakyat.

Beliau turut mempersoalkan cadangan memperluaskan penggunaan Dana USP bagi tujuan keselamatan negara kerana dana tersebut diwujudkan hasil caruman industri telekomunikasi untuk meningkatkan kemudahan komunikasi rakyat, khususnya di kawasan luar bandar.

“Mengapa kerajaan tidak memohon peruntukan baharu melalui Be-

lanjawan Negara jika benar keselamatan negara memerlukan dana tambahan? Mengapa dana yang diwujudkan khusus untuk pembangunan rakyat luar bandar kini mahu dialihkan kepada fungsi lain? Bukankah ini telah menyimpang daripada objektif asal penubuhan Dana USP?” ujarnya.

YB Abdul Latiff turut mengingatkan supaya kerajaan tidak membenarkan peluasan fungsi Dana USP sehingga menyimpang daripada matlamat asal penubuhannya, selain menggesa mekanisme penggunaan dana, syarat pelaksanaan projek dan kaedah pemantauan diperincikan dalam akta bagi menjamin ketelusan serta mengelakkan penyalahgunaan kuasa.

“Undang-undang bukan sahaja perlu adil tetapi perlu dilihat adil dan dilaksanakan dengan adil, barulah dipercayai dan diyakini rakyat,” tegasnya.

Kes narkotik turun 13 peratus, PEMADAM sokong penuh usaha PDRM

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 22 Julai – Penurunan sebanyak 13 peratus kes narkotik di Kelantan bagi tempoh Januari hingga Jun 2026 menjadi bukti keberkesanan tindakan penguatkuasaan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pengerusi PEMADAM Negeri Kelantan YB Zamakhshari Muhammad berkata, langkah proaktif PDRM Kontinjen Kelantan yang menetapkan sasaran kepada setiap Ketua Balai Polis untuk mempergiatkan tindakan membanteras penyalahgunaan dan pengedaran dadah wajar diberikan sokongan.

Menurutnya, inisiatif yang digerakkan Ketua Polis Kelantan Dato' Mohd. Yusoff Mamat itu membuktikan komitmen tinggi PDRM dalam memerangi ancaman dadah yang menjadi musuh utama masyarakat.

“Pendekatan yang lebih tersusun, berfokus dan berasaskan tanggungjawab di setiap peringkat diyakini mampu memperkukuhkan keberkesanan operasi serta memusnahkan rantai pengedaran dadah.

“Bagi tempoh Januari hingga



Jun 2026, kes narkotik di Kelantan menurun sebanyak 13 peratus, manakala tangkapan berkaitan narkotik turut menurun 10 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu” katanya menerusi kenyataan media di laman rasmi, hari ini.

Pada masa sama, YB Zamakhshari memaklumkan, nilai rampasan dadah meningkat kepada RM15.6 juta, membuktikan tindakan penguatkuasaan semakin berkesan dalam menyasarkan rangkaian pengedaran dan sindiket dadah.

Beliau berkata, pencapaian itu wajar diberikan pengiktirafan dan dijadikan pemangkin untuk memperhebatkan lagi usaha membanteras dadah di negeri ini.

Beliau yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan turut me-

negaskan bahawa PEMADAM Kelantan bersedia berganding bahu dengan PDRM dalam menjayakan jihad memerangi dadah kerana usaha membanteras gejala itu bukan tanggungjawab pasukan keselamatan semata-mata, sebaliknya memerlukan penglibatan semua pihak.

Tambahnya, kerjasama erat melibatkan agensi kerajaan, institusi pendidikan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemimpin masyarakat, ibu bapa dan rakyat amat penting bagi membendung penyalahgunaan dadah daripada terus menular.

Beliau berkata, PEMADAM Kelantan komited memperkasakan program pencegahan melalui pendidikan, advokasi, kesedaran masyarakat, pembangunan belia serta



penguatkuasan institusi keluarga bagi menyelamatkan lebih ramai anak muda daripada terjebak dengan gejala dadah.

Selain itu, beliau memaklumkan bahawa PEMADAM juga bersedia menjadi rakan strategik kepada PDRM dalam memperluaskan kempen kesedaran di peringkat akar umbi, khususnya melibatkan komuniti, sekolah, institusi pengajian tinggi dan golongan belia.

Beliau turut menyeru seluruh rakyat Kelantan supaya memberikan kerjasama sepenuhnya kepada PDRM dengan menyalurkan maklumat, tidak melindungi penjenayah dadah serta bersama-sama membina benteng sosial yang kukuh demi memastikan negeri ini bebas daripada ancaman dadah.

Warga emas aset masyarakat, suara mereka terus diberi perhatian



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 22 Julai – Kerajaan Negeri akan terus memastikan suara dan kebajikan warga emas sentiasa diberi perhatian kerana golongan itu merupakan aset masyarakat yang kaya dengan pengalaman, kebijaksanaan serta mampu menjadi rujukan kepada generasi muda.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, pen-

dekatan menyantuni warga emas melalui program turun padang memberi peluang kepada kerajaan mendengar sendiri pandangan, keperluan dan harapan mereka bagi memperkukuh agenda kebajikan negeri.

“Program seperti ini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dan menjadi medium terbaik untuk bertanya khabar, mendengar pandangan serta berkongsi pengalaman hidup daripada insan-insan

yang telah banyak berjasa kepada masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program Sarapan Pagi Bersama Warga Emas di UDM Tanjung Mas yang berlangsung di Kedai Kopi Sin, Tali Air Kampung Bechah, di sini, semalam.

Dato' Rohani berkata, warga emas perlu terus diraikan dan dihargai kerana pengalaman serta kebijaksanaan yang dimiliki mereka merupakan khazanah bernilai

dalam membina masyarakat yang lebih harmoni dan sejahtera.

Menurutnya, hubungan erat antara pemimpin dan masyarakat perlu diperkukuhkan supaya setiap dasar serta inisiatif kerajaan benar-benar menepati keperluan rakyat khususnya golongan yang memerlukan perhatian.

Tambahnya, kerajaan negeri komited memperkasakan agenda kebajikan menerusi pelbagai program yang menyantuni warga emas agar mereka terus menikmati kehidupan yang berkualiti, sihat dan sejahtera.

“Usaha mendekati warga emas secara berterusan mencerminkan iltizam kerajaan untuk memastikan golongan tersebut terus dihargai, didengari dan kekal memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat,” jelasnya menerusi media sosial pada Selasa.



Kelantan negeri padi, hab pengeluaran makanan strategik negara - Exco Pertanian

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 22 Julai – Kelantan yang dikenali sebagai negeri pengeluar padi telah berkembang sebagai hab pengeluaran makanan strategik negara menerusi transformasi sektor pertanian berasaskan teknologi moden dan pengeluaran berskala besar.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri Kelantan YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, perubahan landskap sektor pertanian negeri itu membuktikan komitmen kerajaan dalam memperkukuh ketenteraman makanan serta menjadikan Kelantan sebagai pemain utama industri agromakanan negara.

Menurutnya, sektor pertanian Kelantan kini berkembang lebih dinamik melalui lonjakan teknologi moden, diversifikasi tanaman serta kerjasama erat antara kerajaan negeri, agensi persekutuan dan pemain industri.

“Kelantan kini bukan sahaja bertindak sebagai pembekal padi, malah telah kukuh sebagai hab pengeluaran makanan strategik negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Ekspo Tani Negeri Kelantan 2026 yang berlangsung di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, hari ini.

Beliau berkata, sektor pertanian secara konsisten kekal sebagai penyumbang kedua terbesar ekonomi Kelantan dengan menyumbang sekitar 20 peratus



kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri selepas sektor perkhidmatan.

Jelasnya, pencapaian sektor agromakanan Kelantan turut dapat dilihat menerusi penguasaan pasaran komoditi utama di peringkat kebangsaan.

“Sehingga tahun 2024 dan 2025, Kelantan muncul sebagai pengeluar tembikai terbesar Malaysia dengan pengeluaran tertinggi negara mencecah 64,827 metrik tan (MT).

“Selain itu, Kelantan turut menghasilkan komoditi berskala besar termasuk durian sebanyak 66,800 MT, tomato 70,681 MT, cili 17,415 MT dan timun 20,565 MT,” ujarinya.

Tambahnya, negeri ini turut menerajui pengeluaran produk khusus seperti salak, madu lebah kelulut, labu manis, ubi keledek dan jagung manis.

Dalam usaha memperkukuh kedudukan Kelantan sebagai jelang makanan negara, katanya,

kerajaan negeri memberi tumpuan kepada pembangunan kawasan pertanian berimpak tinggi melalui pewujudan beberapa zon agrovalley.

Antaranya Rong Chenok Agro Valley di Pasir Mas di bawah seliaan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK), KPKB Agro Farm Gual Ipoh di Tanah Merah serta Projek Kelantan Bio Valley di Pasir Puteh.

“Pewujudan kawasan koridor pertanian khusus ini bertujuan memusatkan pengeluaran secara komersial dan memperkukuh rantaian bekalan makanan negeri serta negara,” katanya.

Beliau turut menyeru golongan belia agar menceburi sektor pertanian dengan memanfaatkan teknologi terkini seperti sistem Fertigasi Pintar, pertanian bertingkat (vertical farming) dan penggunaan dron dalam usaha memodenkan industri tersebut.

Katanya, pelbagai program latihan serta insentif disediakan

“

Pewujudan kawasan koridor pertanian khusus ini bertujuan memusatkan pengeluaran secara komersial dan memperkukuh rantaian bekalan makanan negeri serta negara,”

kerajaan negeri bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi melahirkan lebih ramai usahawan tani dan agropreneur muda.

Sementara itu, beliau berkata pendekatan mentor-mentee menerusi Projek Komuniti Tanaman Harum Manis Al-Falah di Kandis dan Projek Komuniti Durian Al-Falah Selising berjaya membantu peserta membangunkan ekonomi komuniti masing-masing.

Beliau dalam masa sama mengajak rakyat Kelantan dan seluruh masyarakat hadir memeriahkan Ekspo Tani Negeri Kelantan 2026 yang berlangsung dari 22 hingga 25 Julai 2026 di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV.

Bertemakan ‘Bertani Satu Ibadah: Transformasi Tani, Perkasa Hasil Berkualiti’, ekspo berkenaan menghimpunkan inovasi, teknologi, hasil pertanian berkualiti, usahawan agro serta pelbagai agensi yang bersama-sama memacu kemajuan sektor pertanian negeri.



Hakisan ancam bekas tapak pelupusan Teluk Kitang, kajian segera diarahkan elak pencemaran pantai - Exco Alam Sekitar

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 16 Julai – Kerajaan Negeri Kelantan mengarahkan kajian segera dilaksanakan bagi menangani masalah hakisan yang berlaku di bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Teluk Kitang, Tok Lukut di Pengkalan Chepa bagi mengelakkan risiko pencemaran terhadap kawasan pantai sekitar.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, arahan itu dikeluarkan selepas beliau turun padang bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS), Majlis Bandaraya Kota Bharu – Bandar Raya Islam (MBKB-BRI) serta Imam Masjid Tebing Tinggi untuk meninjau keadaan lokasi tersebut, semalam.

Menurutnya, hasil tinjauan mendapati bahagian penghujung lot tapak pelupusan berkenaan sedang mengalami hakisan dan memerlukan tindakan segera bagi mengelakkan kesan lebih buruk kepada alam sekitar.



Beliau berkata demikian menerusi media rasminya, hari ini.

Tambahnya, beliau telah mengarahkan MBKB-BRI dan JAS menjalankan kajian terperinci bagi mengenal pasti langkah mitigasi yang sesuai untuk mengatasi masalah tersebut.

“Saya telah mengarahkan MBKB-BRI dan JAS membuat kajian segera bagi mengatasi masalah ini supaya dapat mengelakkan pencemaran kepada kawasan pantai sekitar,” katanya.

YB Hilmi memaklumkan, Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Teluk Kitang seluas lebih 67 ekar merupakan antara tapak pelupusan sampah terbuka paling lama digunakan

oleh kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam sebelum operasinya dihentikan pada tahun 2006 dan dipindahkan ke Kampung Beris Lalang, Bachok.

Katanya lagi, ketika masih beroperasi, tapak tersebut dianggarkan menerima sekitar 300 tan metrik sampah sehari dan memainkan peranan penting dalam pengurusan sisa pepejal di kawasan Kota Bharu.

Beliau menjelaskan, antara faktor utama penutupan tapak pelupusan itu ialah pembinaan taman-taman perumahan yang semakin hampir dengan kawasan berkenaan sehingga pergerakan lori sampah

keluar masuk menjejaskan kelancaran lalu lintas.

Selain itu, kedudukan tapak yang berhampiran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra turut meningkatkan risiko pelanggaran burung (bird strike) terhadap pesawat serta risiko gangguan operasi penerbangan sekiranya berlaku kebakaran dan menghasilkan asap tebal.

Dalam pada itu, beliau menegaskan Kerajaan Negeri akan terus memantau perkembangan di kawasan tersebut bagi memastikan langkah pencegahan dan pemulihan dapat dilaksanakan secara berkesan demi menjaga keselamatan alam sekitar serta kesejahteraan penduduk setempat.



Che Embong Che Mud dinobatkan Tokoh Hari Sayyidatina Khadijah DUN Kijang 2026

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 19 Julai – Che Embong Che Mud atau lebih dikenali sebagai Kak Ni Tikat dinobatkan sebagai Tokoh Hari Sayyidatina Khadijah DUN Kijang 2026 pada sambutan Hari Sayyidatina Khadijah (HSK) DUN Kijang yang berlangsung di Pusat Rekreasi Pulau Kundur pada Sabtu.

Pengiktirafan itu diberikan atas sumbangan beliau sebagai usahawan, pengusaha tenunan songket tradisional Kelantan, pendidik generasi muda serta komitmen berterusan dalam khidmat kemasyarakatan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kijang yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan YB Dato’ Dr Izzani Husin berkata, ketokohan Che Embong terserlah dalam kejayaan beliau dalam bidang keusahawanan dan melalui kesungguhannya memelihara warisan, mendidik gener-



asi muda serta istiqamah berbakti kepada masyarakat.

“Inilah simbol wanita Kelantan, meskipun sibuk dengan perniagaan namun tidak pernah lupa tanggungjawab kepada masyarakat,” katanya di media sosial, pada Sabtu.

Katanya lagi, Che Embong merupakan antara lapisan terakhir pengusaha tenunan songket tradisional Kelantan yang masih gigih mempertahankan seni warisan Melayu yang tidak ternilai harganya.

“Beliau mula mempelajari seni menenun sejak usia kecil daripada arwah ibunya. Perusahaan yang

bermula di sebuah rumah sederhana itu turut dibantu suaminya yang menghasilkan sendiri peralatan tenunan daripada kayu sebelum berkembang sehingga mendapat pengiktirafan yang membanggakan,” ujarnya.

Tambahnya, hasil tenunan songket Che Embong menjadi pilihan masyarakat umum dan menghiasi pelbagai majlis rasmi di Istana Kelantan serta menjadi pilihan kerabat diraja dan orang kenamaan dari seluruh negara.

Atas semangat itu, beliau aktif melatih golongan muda dalam

bidang tenunan songket menerusi program yang dijalankan di bawah persatuan dengan kerjasama Urus setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan (U-KeKWa) bagi memastikan seni warisan itu terus lestari untuk generasi akan datang.

Selain bergiat aktif dalam perusahaan tenunan songket, Che Embong turut dikenali sebagai usahawan Murtabak Raja.

“Murtabak hasil air tangan beliau menjadi hidangan pilihan di Istana Negara, Istana Kelantan serta istana di Perak, Selangor dan Pahang. Keistimewaan Murtabak Raja itu turut menembusi pasaran antarabangsa apabila dibawa ke Singapura, Dubai, Jepun dan China,” jelasnya.

Di samping aktif dalam bidang keusahawanan, Che Embong juga sentiasa komited dalam kerja-kerja kemasyarakatan serta perjuangan Islam.

Anugerah Bahasa dan Sastera Kelantan pemangkin lahirkan lebih banyak berkualiti - Exco Pendidikan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 23 Julai – Cadangan penganjuran Anugerah Bahasa dan Sastera Kelantan berpotensi menjadi pemangkin kepada penghasilan lebih banyak karya berkualiti di samping memberi penghormatan kepada individu yang berjasa memartabatkan bahasa dan kesusasteraan di negeri ini.

Demikian menurut Exco Pendidikan Pengajian Tinggi Teknologi Hijau Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat.

"Anugerah Bahasa dan Sastera Kelantan juga dilihat mampu menjadi pemangkin kepada penghasilan lebih banyak karya berkualiti di samping memberi penghormatan kepada individu yang telah berjasa dalam memartabatkan bahasa dan kesusasteraan di negeri ini," jelasnya.

Katanya, anugerah berkenaan mampu menjadi platform pengiktirafan kepada tokoh, penulis, sasterawan dan penggiat bahasa yang telah memberikan sumbangan besar terhadap pembangunan bahasa dan kesusasteraan di Kelantan.

Sehubungan itu, beliau men-



yambut baik cadangan positif selaku agenda utama yang dibincangkan dalam kunjungan hormat delegasi Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur (DBPWT) ke pejabatnya, semalam.

Beliau menyifatkan kunjungan berkenaan sebahagian daripada usaha memperkukuh kerjasama strategik antara kerajaan negeri dan DBPWT.

"Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan sebarang usaha serta jalinan kerjasama yang mampu menyemarakkan budaya ilmu, memperluaskan tradisi penulisan dan menyuburkan kecintaan terhadap bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda.

"Bahasa Melayu ialah medium komunikasi dan merupakan wahana penyatuan masyarakat serta lambang identiti dan warisan bangsa yang perlu terus dipelihara dan diperkasakan," katanya menerusi media sosial, pada Rabu.

Beliau memaklumkan, pertemuan bersama delegasi DBPWT yang diketuai Pengarahnya, Ariza Che Ismail turut membuka ruang memperluaskan kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk bahasa, sastera, pendidikan, penerbitan dan pembangunan modal insan.

Tambahnya, pelaksanaan program secara bersepadu antara kerajaan negeri dan DBPWT mampu meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti kebahasaan,

memperkukuh budaya penulisan serta menyemarakkan apresiasi terhadap karya sastera Melayu.

Dato' Wan Roslan turut merakamkan penghargaan kepada DBPWT atas kunjungan tersebut dan berharap hubungan strategik yang terjalin akan terus diperkasakan menerusi pelbagai program berimpak tinggi.

"Semoga kerjasama ini menjadi pemangkin kepada usaha memartabatkan bahasa dan sastera sebagai warisan, jati diri bangsa serta pemacu pembinaan masyarakat berilmu di Kelantan," katanya.

Turut hadir, Timbalan Exco Pendidikan Pengajian Tinggi Teknologi Hijau Digital dan Inovasi YB Kamaruzaman Mohamad.



YB Abdul Latiff raikan dua beradik anak Kelantan buka Ayam Gepuk di Puncak Jalil



Oleh: Syamimi Manah

PETALING, 21 Julai – Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman meraikan kejayaan dua beradik anak Kelantan yang berjaya membuka perniagaan Ayam Gepuk Papa Jon sebagai tanda sokongan terhadap semangat keusahawanan golongan muda tempatan.

Beliau berkata demikian menerusi hantaran di laman sosial

rasminya selepas menyempurnakan majlis perasmian pembukaan Ayam Gepuk Papa Jon di Puncak Jalil pada 18 Julai.

Majlis turut dihadiri selebriti Mohd Saharul Ridwan Hashim selaku Pengasas Ayam Gepuk Papa Jon.

Menurut YB Abdul Latiff, premis makanan itu merupakan hasil aspirasi serta usaha dua beradik anak Kelantan iaitu Wan



Haffiz dan Wan Hazizi yang berani merealisasikan impian dalam bidang keusahawanan.

"Langkah mereka menceburi dunia perniagaan wajar dipuji dan dijadikan inspirasi kepada golongan muda lain untuk berani mengejar impian serta mencipta peluang ekonomi sendiri," katanya di laman rasmi, pada Ahad.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Wan Haffiz dan Wan

Hazizi atas kejayaan membuka Ayam Gepuk Papa Jon serta berharap perniagaan itu terus berkembang maju dan menjadi pilihan utama masyarakat di sekitar Puncak Jalil.

"Semoga perniagaan Ayam Gepuk Papa Jon terus maju, berkembang pesat dan menjadi pilihan utama penduduk di sekitar Puncak Jalil," ujarnya.

YB Abdul Latiff juga memaklumkan, premis Ayam Gepuk Papa Jon anak Kelantan itu menawarkan kelainan menerusi hidangan ayam yang rangup dan enak, sekali gus mampu menarik lebih ramai pengunjung.

Beliau turut mempelawa orang ramai hadir memberikan sokongan kepada usahawan tempatan dengan mengunjungi Ayam Gepuk Papa Jon dan merasai sendiri keenakan hidangan yang ditawarkan.

Program Bina Ummah erat hubungan masyarakat di DUN Kemahang

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 19 Julai – Program Bina Ummah di Kampung Alor Pasir Dewan Negeri Kelantan (DUN) Kemahang pada Sabtu berlangsung meriah apabila menghimpunkan penduduk setempat dalam suasana penuh ukhuwah dan kemesraan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemahang YB Mejar (B) Dato' Md Anizam Ab Rahman yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan berkata, program anjuran kerajaan negeri yang diadakan saban tahun itu menjadi platform untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan masyarakat selepas masing-masing sibuk dengan urusan harian.

Ujarnya, program itu memberi peluang kepada penduduk untuk bertemu, berkenalan dan mengukuhkan hubungan sesama komuniti, selain membolehkan mereka be-



ramah mesra dengan pemimpin setempat dalam suasana santai.

“Melalui program yang diadakan setahun sekali ini, penduduk berpeluang bertemu, berkenalan dan mengukuhkan hubungan sesama komuniti. Kehadiran pemimpin setempat turut memberi peluang kepada rakyat untuk beramah mesra dalam suasana santai, sekali gus mengukuhkan hubungan antara pemimpin dan masyarakat,” katan-

ya menerusi media sosial, hari ini.

Tambahnya, pelbagai pengisian menarik disediakan sepanjang program, termasuk sukaneka yang mendapat sambutan menggalakkan, cabutan bertuah serta pengisian rohani yang memberi manfaat kepada para hadirin.

Program itu turut diserikan dengan jamuan rakyat yang dinikmati bersama seluruh pengunjung.

Pada masa sama, beliau mer-



akamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang bertungkus-lumus menjayakan Program Bina Ummah Zon Bukit Mas.

Katanya, persiapan yang dilakukan sepanjang minggu memastikan program itu berjalan lancar serta mencapai matlamat dalam menyemai semangat perpaduan dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat.

650 orang terima bantuan di Program KelantanKu Cakna DUN Wakaf Bharu



Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 19 Julai – Sebanyak 650 penerima dpelbagai bentuk skim bantuan disantuni menerusi Program KelantanKu Cakna DUN Wakaf Bharu 2026 yang berlangsung di Dewan Mahmoodiah, Kampung Kebakat, pada 16 Julai lalu.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan YB Dato' Rohani Ibrahim, sebagai sebahagian usaha Kerajaan Negeri Kelantan mem-

perkukuh agenda kebajikan rakyat melalui pelbagai skim bantuan.

Dato' Rohani berkata, pembangunan sesebuah masyarakat bukan sekadar bergantung kepada bantuan material sebaliknya perlu disokong dengan pendidikan yang mampu membina akhlak serta jati diri.

“Kerajaan negeri sentiasa berusaha memastikan kebajikan rakyat terus terbela melalui pelbagai inisiatif seperti Skim Az-Ziwaaj, Skim Cakna Aulad, Skim Bantuan Armalah dan banyak lagi bantuan yang memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan,” katanya di la-

man rasmi, pada Jumaat.

Sementara itu, Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah turut memaklumkan, program itu berjaya menghimpunkan penerima-penerima skim bantuan kerajaan negeri di bawah satu bumbung bagi memudahkan rakyat menerima manfaat.

Katanya, antara bantuan yang disampaikan ialah Adhoc Armalah, Sosio Ekonomi Armalah, Tokoh Armalah Berjaya DUN, Skim Manfaat Armalah, Skim Khairat Kifaalah, Skim Az-Ziwaaj, Bantuan Penyakit Kronik, Bantuan Beras Al-It'am,

Skim Bina Usahawan (SBU) dan Tabung Serambi Mekah (TSM).

Pada majlis sama, pemilik Kedai Nasi Berlauk Kak Na Pohon Ketapang di Bendang Luas, Salina Abdul Rahman dinobatkan sebagai Tokoh Armalah Berjaya DUN Wakaf Bharu 2026 sebagai pengiktirafan terhadap kejayaan beliau mengusahakan perniagaan.

Menurut YB Mohd Rusli, program tersebut juga dimeriahkan dengan pameran daripada PERKESO, Azhana Optometrist, Farmasi Dzo Nazen dan Jabatan Bantuan Guaman, selain ceramah agama serta persembahan nasyid.

“Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh jawatankuasa pelaksana, urus setia, pihak Masjid Mahmoodiah Kampung Kebakat, semua agensi, para sukarelawan dan setiap pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan Program KelantanKu Cakna DUN Wakaf Bharu 2026,” katanya di laman rasmi, pada Jumaat.

Beliau berharap semangat kerjasama yang dipamerkan akan terus diperkukuh pada masa hadapan agar lebih banyak program kebajikan dapat dilaksanakan demi kesejahteraan rakyat di DUN Wakaf Bharu.

577 armalah Dabong terima bantuan khas RM115,400



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 19 Julai – Sejumlah 577 armalah di Dewan Negeri (DUN) Dabong menerima bantuan khas berjumlah RM200 seorang membabitkan agihan keseluruhan sebanyak RM115,400, manakala baki RM4,600 daripada peruntukan RM120,000 akan dimanfaatkan bagi melaksanakan program sosioekonomi untuk memperkasakan golongan tersebut.

Ahli Dewan Negeri Dabong YB Ku Mohd Zaki Ku Hussin berkata, inisiatif itu dapat membantu meredakan beban kewangan armalah sekali gus memberi nilai tambah

melalui pelaksanaan program yang mampu meningkatkan kesejahteraan dan daya tahan ekonomi mereka.

“Baki RM4,600 daripada keseluruhan peruntukan RM120,000 akan dimanfaatkan bagi pelaksanaan program sosioekonomi armalah di DUN Dabong sebagai usaha memperkasakan kehidupan golongan tersebut secara berterusan,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nasuruddin Daud berkata, kerajaan negeri akan terus memperkukuh agenda kebajikan rakyat selaras

dengan dasar Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) yang meletakkan kesejahteraan masyarakat sebagai antara keutamaan pentadbiran negeri.

Menurutnya, usaha mendekati dan menyantuni rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat sentiasa menjadi tanggungjawab yang diutamakan oleh kerajaan negeri.

Beliau berkata demikian menerusi media rasminya selepas menghadiri Majlis Himpunan Armalah Peringkat Dabong yang berlangsung di Medan Ilmu Surau Hijau Gua Ikan, Dabong, pada Jumaat.

Terdahulu, beliau memulakan

program dengan menyampaikan Kuliah Duha sebelum bertemu masyarakat setempat dalam suasana penuh ukhuwah.

Katanya, pendekatan turun padang membolehkan kerajaan memahami keperluan sebenar rakyat di samping mengukuhkan hubungan antara pemimpin dengan masyarakat.

Sehubungan itu, YB Ku Mohd Zaki menegaskan, seorang ibu tunggal bukan kuat kerana hidupnya mudah, sebaliknya kerana mereka memilih untuk terus bangkit walaupun berdepan kehilangan dan pelbagai ujian kehidupan.

Beliau berkata, setiap pengorbanan, kesabaran dan keikhlasan armalah dalam membesarkan anak-anak merupakan cerminan kekuatan jiwa yang wajar dihargai oleh seluruh masyarakat.

“Kekuatan sebenar bukan terletak pada harta atau kedudukan, sebaliknya pada hati yang sentiasa reda, sabar dan bergantung sepenuhnya kepada Allah SWT dalam menghadapi setiap cabaran kehidupan,” katanya.

140 pelajar DUN Kijang ke IPTA dirai

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 23 Julai – Sebanyak 140 pelajar dari DUN Kijang yang berjaya melanjutkan pengajian ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dirai dalam satu majlis penghargaan di Pusat Khidmat DUN Kijang, semalam.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Kijang YB Dato’ Dr Izani Husin berkata, peluang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi perlu dimanfaatkan sebaik mungkin dengan disiplin, kesungguhan dan pengurusan masa yang baik.

Menurutnya, kehidupan di universiti menuntut mahasiswa berdikari kerana tiada lagi pihak yang akan memaksa mereka untuk belajar seperti di bangku sekolah.

“Apabila melangkah masuk ke universiti, tiada lagi siapa yang akan memaksa kita belajar. Semuanya bergantung kepada pilihan dan disiplin diri sendiri.

“Kejayaan tidak datang dengan jalan pintas. Belajarlah bersungguh-sungguh, urus masa dengan baik dan kejarlah keputusan yang cemerlang. Jangan sekadar lulus tetapi berusaha untuk membanggakan ibu bapa dengan pencapaian terbaik termasuk berada dalam senarai dekan pada setiap semester,” katanya.



Beliau berkata demikian dalam media rasminya selepas berucap di Majlis Meraikan Pelajar IPTA DUN Kijang yang berlangsung di Pusat Khidmat DUN Kijang,

semalam. Dalam pada itu, Dato’ Dr Izani menzahirkan rasa syukur kerana saban tahun semakin ramai anak-anak DUN Kijang berjaya menyalurkan pengajian ke IPTA, sekali gus mencerminkan peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pendidikan tinggi.

semalam.

Katanya, perkembangan tersebut merupakan petanda positif dalam usaha melahirkan modal insan berkualiti yang mampu menyumbangkan kepada pembangunan negeri dan negara pada masa hadapan.

Beliau turut mendoakan agar semua pelajar yang dirai terus diberikan kekuatan dan dipermudahkan urusan sepanjang menempuh alam pengajian.

“Semoga anak-anak ini terus melakar kecemerlangan serta menjadi insan yang memberi manfaat kepada keluarga, agama, masyarakat, negeri dan negara,” katanya.



400 ekar projek solar LSS5 pacu ekonomi Kelantan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

PASIR MAS, 23 Julai – Projek Solar Berskala Besar (LSS5) seluas 400 ekar di Kampung Serongga Mukim Apam yang dibangunkan di atas tanah milik Perbadanan Kemaajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) melalui pajakan selama 23 tahun dijangka menjadi pemacu pembangunan ekonomi hijau serta industri tenaga boleh baharu di Kelantan.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata pelaksanaan projek strategik itu membuktikan keyakinan pelabur terhadap potensi Kelantan sebagai destinasi pembangunan tenaga lestari yang mampu merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri.

Menurutnya, pembangunan loji tenaga solar tersebut bukan sahaja memperkukuh infrastruktur tenaga bersih negeri malah membuka lebih banyak peluang pekerjaan, penyertaan usahawan tempatan, pembekal perkhidmatan serta rantaian ekonomi baharu yang memberi manfaat kepada rakyat.

"Kerajaan Negeri tidak mahu pembangunan yang akhirnya meninggalkan masyarakat tempatan atau menyebabkan mereka menjadi asing di bumi sendiri. Sebalik-



knya setiap pelaburan yang dibawa masuk hendaklah membuka ruang kepada penyertaan rakyat, memperkasa ekonomi setempat serta mengangkat kesejahteraan negeri secara menyeluruh.

"Insya Allah melalui projek yang akan dibangunkan ini saya yakin ia akan membuka lebih banyak peluang kepada syarikat tempatan, para usahawan, pembekal perkhidmatan serta tenaga kerja anak-anak Kelantan untuk turut serta dalam rantaian nilai ekonomi yang terhasil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Projek Solar Berskala Besar (LSS5) Pasir Mas di Kampung Serongga Mukim Apam, di sini, hari ini.

Majlis perasmian pula disempurnakan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan

Tenaga dan Transformasi Air YAB Datuk Amar Fadillah Yusof.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal dan Exco Kerjaya Infrastruktur Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr. Izzani Husin.

Mengulas lanjut, Dato' Mohd Nassuruddin berkata krisis tenaga global ketika ini membuka ruang lebih luas kepada pembangunan industri tenaga boleh baharu khususnya tenaga solar yang semakin diiktiraf sebagai sumber tenaga yang stabil, mampan dan berdaya tahan.

Jelasnya, tenaga solar mempunyai potensi besar untuk menyokong keperluan tenaga masa hadapan di samping mengurangkan ketergantungan kepada sumber tenaga konvensional.

vensional.

"Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan pelaburan berimpak tinggi yang mampu mewujudkan peluang pekerjaan, merancakkan aktiviti ekonomi setempat serta membawa limpahan manfaat berterusan kepada rakyat," katanya.

Beliau juga memaklumkan, kejayaan projek itu turut menyerlahkan peranan PKINK sebagai pemudah cara dalam menarik pelaburan strategik ke Kelantan melalui penyediaan tapak pembangunan yang berdaya maju.

Katanya kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Kelantan, agensi berkaitan dan sektor swasta menjadi asas penting dalam memperkukuh ekosistem pelaburan serta mempercepat pembangunan industri tenaga boleh baharu di Kelantan.

Program 'kucha suro' satukan anak Kelantan di perantauan- MB Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 20 Julai - Program 'kucha suro' yang menghimpunkan anak Kelantan di perantauan bukan sekadar mengangkat juadah tradisi, sebaliknya menjadi lambang semangat gotong-royong dan perpaduan, kata Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Menurutnya, di sebalik kawah

besar yang dipenuhi bubur asyura, tersimpan makna yang cukup mendalam apabila tradisi itu berjaya menyatukan masyarakat dalam suasana penuh muafakat dan muhibbah.

"Suasana meriah dengan hiruk-pikuk gelak tawa, usik-mengusik dan kemesraan anak-anak Kelate benar-benar menceriakan majlis.

"Walaupun masing-masing



membawa haluan hidup di perantauan, apabila bertemu terasa seperti pulang ke kampung halaman.

"Apabila ramai-ramai berganding bahu mengacau bubur menggunakan batang pengacau yang panjang, di situlah terjalin silaturahmi, bertukar cerita, mengeratkan ukhuwah dan menghidupkan kembali nostalgia anak-anak Kelate," katanya menerusi hantaran di media sosial, semalam.

Tambahnya, tradisi itu wajar terus dipelihara sebagai warisan dan untuk menyuburkan nilai kebersamaan yang menjadi kekuatan masyarakat.

"Bukan sekadar menjaga warisan, tetapi menyuburkan nilai kebersamaan yang menjadi kekuatan masyarakat kita," jelasnya.

Terdahulu, beliau menghadiri Majlis Kucha Suro Perakan Cawangan Ampang pada Ahad.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada penganjur atas jemputan serta layanan mesra yang diberikan.

"Semoga ukhuwah ini terus mekar, tradisi ini terus diwarisi dan semoga kita dipertemukan lagi dalam suasana penuh kasih sayang dan kebersamaan, insya Allah," katanya.

LSS5: 280,000 modul solar, 473 inverter jana elektrik bersih untuk 75,000 rumah setahun

Oleh: Irham Hilmi Hashim

PASIR MAS, 23 Julai – Projek Solar Berskala Besar (LSS5) di Kampung Serongga Mukim Apam akan dilengkapi dengan kira-kira 280,000 keping modul solar dan 473 unit inverter, selain dijangka menjana sekitar 300,000 megawatt jam (MWh) tenaga elektrik bersih setahun yang mampu membekalkan keperluan elektrik kepada kira-kira 75,000 buah rumah di Malaysia.

Pengerusi Samaiden Legasi Timur Sdn. Bhd. Datuk Wira Mohd Anis Hisham berkata projek yang dibangunkan di atas tanah milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) seluas kira-kira 400 ekar itu turut dianggarkan mengurangkan pelepasan karbon dioksida (CO₂) melebihi 200,000 tan metrik setahun, sekali gus menyokong aspirasi Malaysia ke arah ekonomi rendah karbon dan sasaran pelepasan sifar bersih.

Menurutnya, projek berkenaan menandakan peralihan penting daripada fasa perancangan kepada pelaksanaan pembinaan berskala penuh.

“Projek Solar Berskala Besar (LSS5) di Pasir Mas merupakan antara pembangunan tenaga boleh baharu terbesar di Negeri Kelantan yang dibangunkan di atas tanah seluas kira-kira 162 hektar (400 ekar) di Kampung Serongga Mukim Apam Gual Perioq yang dipajak daripada PKINK bagi tempoh 23 tahun.

“Diterajui oleh Samaiden Group



Berhad sebagai pemaju keseluruhan dan kontraktor Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan Pentaualihan (EPCC), projek ini merangkumi Samaiden Legasi Timur Sdn. Bhd. (99.99MWac/150MWp) dan GVV Fajar Timur Sdn. Bhd. (27.60MWac/45MWp) dengan jumlah kapasiti keseluruhan 127.59MWac (195MWp),” katanya pada majlis perasmian projek itu, di sini, hari ini.

Beliau berkata, pembangunan tersebut dijangka merencanakan ekonomi tempatan menerusi pewujudan kira-kira 50 peluang pekerjaan kepada anak Kelantan, selain membuka ruang kepada penglibatan kontraktor dan pembekal tempatan serta memperkukuh pembangunan modal insan.

Katanya lagi, projek bersepadu itu turut meningkatkan keyakinan pelabur terhadap Kelantan sebagai destinasi pembangunan tenaga hijau yang berdaya saing dan mampan.

“Pembangunan SLT dan GVV Fajar Timur secara bersepadu di-

jangka mengukuhkan kedudukan Kelantan sebagai hab tenaga boleh baharu yang sedang berkembang, selain mewujudkan nilai ekonomi berkekalan untuk negeri ini.

“Selain menjana elektrik bersih, projek ini akan mewujudkan peluang pekerjaan, menyokong perniagaan tempatan dan menyumbang kepada ekosistem tenaga boleh baharu negeri,” katanya.

Di bawah Program Solar Berskala Besar Malaysia (LSS5), pembangunan itu melibatkan dua projek solar berskala utiliti iaitu Samaiden Legasi Timur Sdn. Bhd. berkapasiti 99.99MWac di bawah Pakej 3 LSS5 dan GVV Fajar Timur Sdn. Bhd. berkapasiti 27.60MWac di bawah Pakej 2 (Bumiputera).

Secara keseluruhan, pembangunan bersepadu itu mewakili kapasiti terpasang gabungan kira-kira 196MWp, sekali gus menjadikannya antara projek solar berskala utiliti terbesar di Kelantan.

Datuk Wira Mohd Anis memaklumkan, projek tersebut turut memberi penekanan kepada pem-

“


Projek ini bukan sekadar pembangunan kemudahan solar berskala utiliti tetapi mewakili perkongsian jangka panjang yang dibina atas kepercayaan, visi bersama dan komitmen mewujudkan peluang ekonomi serta memperkasakan komuniti tempatan,”

bangunan bakat tempatan dengan penglibatan ramai profesional kelahiran Kelantan, di samping membuka peluang kepada subkontraktor tempatan menyertai rantai bekalan negeri.

Tambahnya, bersama projek EPCC solar berkapasiti 9.99MWac yang sedang dibangunkan di Tok Bali, Samaiden dijangka memiliki jejak pembangunan tenaga solar sekitar 210MWp di seluruh Kelantan.

“Projek ini bukan sekadar pembangunan kemudahan solar berskala utiliti tetapi mewakili perkongsian jangka panjang yang dibina atas kepercayaan, visi bersama dan komitmen mewujudkan peluang ekonomi serta memperkasakan komuniti tempatan,” katanya.

Beliau optimis, pelaksanaan Projek Solar LSS5 Pasir Mas itu memperkukuh peranan Kelantan dalam menyokong Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) menerusi penggunaan tenaga boleh baharu yang lebih bersih, mampan dan berdaya saing.





Program 'kucha suro' satukan anak Kelantan di perantauan - MB Kelantan

Program Muay Thai erat hubungan Kelantan-Thailand

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 19 Julai – Hubungan antara Kelantan dan Thailand terus diperkukuh menerusi diplomasi sukan apabila penganjuran program 'Muay Thai Workshop and Thailand-Malaysia Friendship Matches' menjadi platform memperkukuh kerjasama dalam pembangunan belia, di samping mengeratkan hubungan persahabatan antara kedua-dua pihak.

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata, sukan Muay Thai menjadi platform persaingan fizikal yang mampu menyatukan masyarakat serta membina persefahaman rentas sempadan, khususnya melibatkan generasi muda Kelantan dan Thailand.

Menurutnya, penganjuran program berkenaan membuktikan sukan mempunyai peranan yang jauh lebih besar daripada sekadar melahirkan atlet berprestasi tinggi, sebaliknya menjadi wadah memperkukuh nilai persahabatan, persefahaman dan kerjasama antara dua negara berjiran.

Beliau berkata demikian me-



nerusi media rasminya selepas merasmikan program yang berlangsung di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kota Bharu, semalam.

Mengulas lanjut, YB Zamakhshari memaklumkan, penyeritaan pelbagai pihak dalam program tersebut mencerminkan komitmen bersama untuk menjadikan sukan sebagai instrumen memperkukuh hubungan dua hala yang telah lama terjalin antara Malaysia dan Thailand.

Tambahnya, interaksi yang terjalin sepanjang program bukan sahaja memberi ruang kepada peserta berkongsi ilmu dan pengalaman dalam seni bela diri Muay Thai,

malah membuka peluang untuk memperluaskan jaringan persahabatan serta memupuk semangat saling menghormati antara masyarakat kedua-dua negara.

Dalam pada itu, beliau berharap hubungan erat yang sedia terjalin akan terus diperkasakan melalui lebih banyak program kerjasama pada masa hadapan, khususnya dalam bidang pembangunan belia, kesukanan dan pembangunan komuniti yang mampu memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

Sehubungan itu, beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Konsulat Jeneral Diraja Thailand, Jabatan Belia

dan Sukan Negeri Kelantan serta agensi dan organisasi sukan yang terlibat atas jemputan, kerjasama dan komitmen dalam menjayakan program tersebut.

Katanya, kerjasama strategik seumpama itu diharap akan terus menjadi pemangkin kepada hubungan yang lebih erat antara Kelantan dan Thailand, sekali gus memperluaskan peluang kolaborasi dalam pembangunan belia serta industri sukan pada masa akan datang.

Turut hadir, Konsulat Jeneral Diraja Thailand Phasit Chudabudhi serta Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan Mohd Saipuddin Zakaria.

